

MPSP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

**JAN-APRIL
2015
BULETIN MPSP
BIL. 03**



Kemampuan Adalah Komitmen Kami



ISIKANDUNGAN

Majlis Pecah Tanah Padang Taman Berjaya Dan Perasmian
1 Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang & Sepak Takraw,
Taman Berjaya, Nibong Tebal.

2 Majlis Angkat Sumpah Dan Penerimaan Jawatan Ahli
Majlis-Ahli Majlis MPSP 2015.

3 Majlis Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah-Sekolah
Seluruh Seberang Perai.

4 Majlis Pelancaran Program Makan Sampai Habis Dan
Pengkomposan Auto City Juru.

5 Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Sekolah Tadika
2014 & Pelancaran Kitar Semula Sekolah Tadika 2015.

6 Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2015.

7 Perhimpunan Korporat.

Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) Sempena Majlis Perasmian

8 Penutup Dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Hoki Dewan
(Lelaki) Anjuran MAKSAK Pulau Pinang Tahun 2015.

9 Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena
Promosi Cukai Pintu 2015.

10 Program Gotong-Royong Imej Baru Butterworth Dengan
Kerjasama Think City.

11 Karnival St. Mark's, Jalan Pantai Butterworth.

12 Lain-Lain Program.

13 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 & Penghargaan
Kepada Pesara 2015.

14 Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang.

15 Penang Run 2014-2015 Seberang Perai.

16 FIABCI Morning Talk.

17 The Aspiring Engineers Public Policy Competition USM
Nibong Tebal.

18 Lawatan Ke MPSP.

19 Lawatan Dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Lawatan Dari Jabatan Kerja Raya (JKR)
Lawatan Dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA)

- 20 Lawatan Dari Majlis Perbandaran Selayang
Lawatan Dari Majlis Perbandaran Seremban
Lawatan Dari Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB)
- 21 Lawatan Dari Myanmar Ke Pusat Kitar Semula Permatang Nibong
Lawatan Dari Panel Penilai PBT
Lawatan Delegasi Jepun



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT

TUAN SR HAJI ROZALI BIN MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR

ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR

PUAN SALEMAH BINTI AYOB
(JAWATANKUASA BULETIN MPSP)

JURUGAMBAR

ENCIK SHEIKH ZAKARIA BIN SHAIK AHMAD
ENCIK MOHD. FAIZ BIN ABDUL HALIM



Majlis Pecah Tanah Padang Taman Berjaya dan Perasmian Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang dan Sepak Takraw telah diadakan di Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 3 Januari 2015. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan turut dihadiri oleh YB Tuan Lim Hock Seng, YB Tuan Soon Lip Chee, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, ketua-ketua jabatan dan pegawai MPSP. Projek ini dilaksanakan oleh MPSP dengan perbelanjaan yang telah diperuntukan oleh ADUN kawasan. Melalui Fokus 2015, MPSP merancang untuk menaiktaraf taman-taman awam dan pocket park di beberapa kawasan di SPU, SPT dan SPS. Antaranya adalah Taman Sepadu, Taman Kimsar, Taman Ampang Jajar Kerian, Taman Selat, Taman Kuari dan Taman Belatuk.

Majlis Pecah Tanah Padang Taman Berjaya Dan Perasmian Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang & Sepak Takraw, Taman Berjaya, Nibong Tebal



Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP dalam ucapannya menyeru kepada penduduk-penduduk Taman Berjaya untuk bersama-sama menjaga kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik dan membantu MPSP mengurangkan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan menggunakan peruntukan yang dijamin tersebut untuk tujuan menyediakan kemudahan yang lain kepada penduduk Seberang Perai.



Majlis Angkat Sumpah Dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP 2015



Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP 2015 telah diadakan di Dewan Kenanga, MPSP pada 7 Januari 2015. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan turut dihadiri oleh Y.B Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1; Y.B Tuan Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2; Y.B Tuan Chow Kon Yeow, Ahli-Ahli EXCO, ADUN-ADUN serta Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang.



Pelantikan ini adalah bagi tempoh dari 7 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015. Seramai 24 Ahli Majlis yang telah dilantik dimana 18 adalah Ahli Majlis sedia ada, manakala 6 lagi adalah Ahli Majlis baru. Ahli Majlis yang dilantik akan bersama-sama dengan MPSP untuk merealisasikan Pelan Strategi Lima Tahun MPSP (2014-2018) dan membantu pentadbiran MPSP mencapai perkhidmatan bertaraf antarabangsa sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri dan penduduk Seberang Perai.



Sempena Majlis ini, Fokus MPSP 2015 dilancarkan. Fokus MPSP 2015 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2014. Sebanyak 9 Fokus telah dikenalpasti yang melibatkan 44 Program dan 129 Aktiviti untuk dilaksanakan dalam Tahun 2015.



Majlis Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah-Sekolah Seluruh Seberang Perai

Majlis Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah-Sekolah Seluruh Seberang Perai telah diadakan di Pejabat Cawangan MPSP Jalan Betek. Majlis ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Encik Tan Teik Huat (Pengurus Besar Kilang Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd.), Encik Shaqhrony bin Jamaluddin, Ketua Jabatan Landskap dan para guru.

Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. telah menaja sebanyak 540 buah pasu bunga manakala pihak MPSP menyumbang tanah serta pokok. Penyerahan pokok dan pasu bunga diberikan kepada 36 buah sekolah yang kali pertama menyertai Anugerah Sekolah Hijau tahun 2014. Setiap sekolah mendapat 15 pasu yang telah ditanam pokok. Pihak Syarikat Guppy juga bersetuju memberi pasu kepada sekolah-sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau pada tahun ini sekiranya pihak juri mendapati program kebersihan dan penghijauan dilaksanakan dengan baik.

Program Anugerah Sekolah Hijau bermula pada tahun 2010 dengan tujuan memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan. Sekolah-sekolah perlu menjaga pokok yang diberi dengan baik dan markah akan diberikan semasa pengauditan dibuat ke sekolah-sekolah hijau.




Majlis Pelancaran Program Makan Sampai Habis Dan Pengkomposan Auto City Juru

Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Pengurusan Auto City telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Makan Sampai Habis dan Pengkomposan di Sky-TV, Shop In D'Park, Auto City pada 26 Januari 2015. Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Phee Booh Poh Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Encik Gary Teoh, Pengarah Urusan Auto City, ketua-ketua jabatan MPSP serta penyewa-penyewa premis Auto City.

Matlamat program ini diadakan adalah untuk mengurangkan sisa organik dihantar ke Pulau Burung. Sisa makanan yang kita buang akan dibawa dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah di Pulau Burung yang seterusnya akan mengakibatkan pemanasan global. Program ini amat bersesuaian bagi mengurangkan pembaziran. Budaya 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle* harus diaplikasikan sebagai budaya harian penduduk Seberang Perai.

Pada awal Januari 2014, pihak Auto City telah mengadakan R & D untuk merekacipta mesin kompos dan mesin penyiat bagi program pengkomposan dan kini 4 buah mesin kompos telah berjaya dihasilkan. Dengan kerjasama dari penyewa restoran, purata sisa organik yang dikutip ialah 120 kg sehari. Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan pembuangan sisa organik ke tapak pelupusan Pulau Burung.



Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Sekolah Tadika 2014 & Pelancaran Kitar Semula Sekolah Tadika 2015



Majlis Penyampaian Hadiah Kitar Semula Tadika 2014 & Pelancaran Kitar Semula Sekolah Tadika 2015 telah diadakan pada 30 Januari 2015. Majlis ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Encik Ooi Chao Syhuan, District Governor, Kelab Lion Antarabangsa 308B2, ketua-ketua jabatan, guru-guru dan pelajar-pelajar tadika.

Tahun ini merupakan tahun kedua MPSP menganjurkan Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan tahun ini juga adalah tahun kedua Kelab Lion menjadi penaja untuk program ini. Sebanyak 40 hadiah berupa wang tunai telah disediakan bagi anugerah tersebut.

Pada tahun 2014, sebanyak 46 buah sekolah tadika telah menyertai pertandingan ini. Pada tahun ini, MPSP mensasarkan sebanyak 70 buah sekolah tadika akan mengambil bahagian. MPSP akan memberi latihan kepada guru-guru dan murid-murid mengenai kepentingan kitar semula dan kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu boleh dikitar semula, tidak boleh dikitar semula dan sisa organik. Bahan yang boleh dikitar semula dikumpul untuk jualan, tidak boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah dan sisa organik dijadikan kompos.

MPSP berharap, dengan amalan kitar semula, alam sekitar dapat dijaga dan kos pengurusan sampah dapat dijimatkan dan peruntukan tersebut digunakan untuk menyediakan infrastruktur lain untuk keselesaan penduduk Seberang Perai.

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau **MPSP**

2015



Pada tahun ini MPSP mensasar sebanyak 150 buah sekolah akan menyertai Anugerah Sekolah Hijau.

Pada tahun ini, pihak Continental menambah Anugerah 5S bagi kedua-dua kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Anugerah Khas 5S iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal. Hadiah 5S ialah RM500.00. Bagi kategori Sekolah Menengah, jumlah anugerah yang disediakan adalah sebanyak 20 anugerah manakala bagi kategori sekolah rendah pula 28 anugerah.

Visi dan misi juga ditetapkan oleh MPSP untuk program ini. Visi program ini ialah 'Sekolah Hijau Penggerak Kelestarian Alam Sekitar', manakala misi ialah 'Berusaha berterusan bersama MPSP bagi merealisasikan'.

Pada 3 Mac 2015 yang lalu, MPSP telah bekerjasama dengan Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Bhd dalam mengadakan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP bertempat di SMK Sri Muda, Penaga. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Encik Ismail Zakaria, Pengurus Kanan Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd dan Tuan Haji Mohd Noor bin Yusof, Pengetua Cemerlang SMK Sri Muda, Penaga. Majlis turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan para rakan media tempatan.



PERHIMPUNAN KORPORAT



Perhimpunan Korporat yang pertama untuk tahun 2015 telah dilangsungkan pada 4 Mac 2015. Dato' Yang Dipertua semasa ucapannya menekankan mengenai Fokus MPSP bagi tahun 2015. Beliau berkata Fokus MPSP 2015 merupakan pelan perancangan tahunan MPSP yang diterjemahkan dari Pelan Strategi Lima (5) Tahun MPSP bagi memastikan pelan strategi MPSP dicapai menjelang tahun 2018 nanti. Fokus MPSP 2015 mempunyai 9 fokus strategi, 44 program dan 129 aktiviti. Disamping itu, MPSP juga mensasarkan kutipan hasil sebanyak RM213.39 juta bagi tahun 2015.

Pada masa yang sama, Dato' Yang Dipertua juga turut menekankan tentang tahap mutu kerja yang lebih berkesan di kalangan warga MPSP agar dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada penduduk Seberang Perai.



Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) Sempena Majlis Perasmian Penutup Dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki)

ANJURAN MAKSAK PULAU PINANG TAHUN 2015



Kejohanan Hoki Dewan (Lelaki) anjuran MAKSAK Pulau Pinang yang dikelolakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dilangsungkan pada 22 Mac 2015 di Penang Free School, Pulau Pinang. Majlis ini dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kerja MAKSAK Pulau Pinang, ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Kejohanan, para pemain dan pegawai hoki.

Tujuan kejohanan ini adalah untuk pemilihan pemain-pemain hoki dewan (lelaki) mewakili MAKSAK Negeri Pulau Pinang ke kejohanan peringkat kebangsaan yang akan dikelolakan oleh MAKSAK Malaysia. Dalam majlis penyampaian hadiah, pemberian pengiktirafan kepada pasukan hoki dewan atas kejayaan mereka akan menjadi obor pembakar semangat kepada para penggiat sukan untuk terus memberi sumbangan terhadap kemajuan sukan negeri.

MAKSAK telah melaksanakan pendekatan Strategi Lautan Biru dalam penganjuran programnya. Melalui penganjuran program MAKSAK, perkongsian sumber serta semangat berpasukan antara MAKSAK dan badan-badan gabungannya dengan menggunakan kepakaran teknikal dan memaksimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan sedia ada dengan kos yang minimum.

Yang Dipertua MPSP mengucapkan tahniah kepada penerima hadiah kejohanan. Beliau berharap kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada semua penjawat awam untuk terus menunjukkan kecemerlangan dalam bidang sukan bagi melengkapkan personaliti sebagai penjawat awam yang sempurna.





Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2015

Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 berlangsung pada 24 Mac 2015 di perkarangan lobi Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Promosi Bayaran Cukai Pintu 2015 telah bermula pada 1 Disember 2014 hingga 31 Januari 2015 yang lalu.

Memandangkan sambutan yang baik, MPSP akan terus melaksanakan program promosi cabutan bertuah untuk tahun akan datang sebagai penghargaan berterusan kepada pembayar-pembayar cukai yang menjelaskan cukai taksiran mereka lebih awal. MPSP amat memandang serius ke atas pemilik-pemilik premis yang mempunyai tunggakan dan tindakan perundungan di ambil kepada pemilik premis yang gagal menjelaskan cukai pintu. Tindakan ini dapat memberikan kesedaran kepada pembayar cukai taksiran akan tanggungjawab menjelaskan cukai taksiran setiap tahun dan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.



PROGRAM GOTONG-ROYONG

Imej Baru Butterworth

Dengan Kerjasama THINK CITY

Think City Sdn. Bhd. bersama-sama MPSP telah mengadakan Program Gotong-Royong Imej Baru Butterworth di Jalan Pantai, Butterworth pada 27 Mac 2015. Program ini dihadiri oleh YB Tuan Tanasekharan ADUN Bagan Dalam, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Encik Hamdan Abdul Majeed, CEO Think City Sdn. Bhd, Dr.Neil Khor, COO Think City Sdn. Bhd, Encik Murali Project Director of Butterworth serta para pegawai MPSP.

Kerjasama ini adalah langkah penting yang diambil oleh kedua-dua pihak dalam memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth. Pelan Imej Baru Butterworth (IBB) diwujudkan sebagai satu garis panduan bagi pembangunan semula bandar Butterworth. MPSP berusaha dalam menaiktaraf bandar Butterworth melalui beberapa projek infrastruktur, berkongsi matlamat yang sama bersama Think City untuk mengekalkan kesinambungan budaya, kerancakkan ekonomi dan pembangunan lestari untuk didiami meliputi projek pembangunan semula bandar.

Program Gotong-Royong ini adalah antara program pengisian dalam plan jangka masa panjang Imej Baru Butterworth (IBB). Program ini dapat mencapai sasaran kempen mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida tahunan dan seterusnya dapat mengawal fenomena pemanasan global dengan memupuk semangat mencintai kehijauan dan menjaga alam sekitar.



KARNIVAL ST. MARK'S, JALAN PANTAI BUTTERWORTH


Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Pejabat EXCO Pelancongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. telah mengadakan Karnival St. Mark's di Butterworth pada 5 April 2015. Program ini dihadiri oleh YB Tuan Law Heng Kiang, Exco Pembangunan Pelancongan, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis, Encik Hamdan Abdul Majeed, CEO Think City Sdn. Bhd, Dr. Neil Khor, COO Think City Sdn. Bhd, Encik Murali, Project Director of Butterworth serta Encik Reverand John Kennady Paderi Gereja St. Mark's.



MPSP telah menyenaraikan gereja St. Mark's sebagai salah satu daripada bangunan warisan di dalam Inventori Warisan Ketara Daerah Seberang Perai Utara. Karnival ini bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi tujuan pemuliharaan bumbung gereja yang usang yang mana memakan belanja sebanyak RM 485,000.00.

Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP, dalam ucapannya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program ini. Beliau berharap para pengunjung di program tersebut dapat menjadi masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memuliha warisan di

Seberang Perai.






LAIN-LAIN PROGRAM



Sambutan Maulidur Rasul
Peringkat Negeri Pulau Pinang





Penang Run 2014-2015 Seberang Perai



FIABCI Morning Talk





The Aspiring Engineers Public Policy
Competition USM Nibong Tebal



Lawatan Ke **MPSP**





Lawatan Dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



Lawatan Dari Jabatan Kerja Raya (JKR)



Lawatan Dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA)





Lawatan Dari Majlis Perbandaran Selayang



Lawatan Dari Majlis Perbandaran Seremban



Lawatan Dari Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB)





Lawatan Dari Myanmar Ke Pusat Kitar Semula Permatang Nibong



Lawatan Dari Panel Penilai AIPBT



Lawatan Delegasi Jepun





MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel: 04-5497555 Faks: 04-5389700 Website: www.mpsp.gov.my Email: webmaster@mps.p.gov.my